

17 AUG 1997

PERDANA MENTERI TUTUP KEJOHANAN BADMINTON PIALA PERDANA

KOTA KINABALU, 17 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini menutup Kejohanan Badminton Piala Perdana di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Likas di sini.

Dalam ucapan ringkasnya Perdana Menteri berkata kejohanan itu dapat merapatkan lagi hubungan antara rakyat setiap negeri yang menyertai pertandingan itu.

"Saya ucapkan tahniah dengan semangat yang ditunjukkan dalam pertandingan ini," katanya. Kejohanan berpasukan badan amal selama tiga hari itu disertai semua negeri kecuali Kelantan.

Pasukan Badan Amal Isteri-Isteri Selangor (Balkis) berjaya mempertahankan kejuaraan selepas menewaskan pasukan Badan Amal Isteri-Isteri Menteri Persekutuan (Bakti)33-2 pada pertandingan akhir. Pasukan Perawanispa dari Pahang menduduki tempat ketiga.

Kejohanan tahun depan akan diadakan di Pahang, di Johor pada 1999 dan Kedah pada tahun 2000.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan hadiah kepada pemenang,.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Yang Dipertua Bakti, Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan isteri Datin Stella Yong. -- BERNAMA

NT RON